

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]

SOALAN : Dr. Azman bin Ismail minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan pelan selanjutnya Kementerian tentang MADA. Nyatakan jumlah dana yang diberikan kepada MADA setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, pihak Kerajaan memberi tumpuan kepada MADA dalam aspek meningkatkan pengeluaran padi dan meningkatkan pendapatan pesawah-pesawah di Kawasan muda. Dalam usaha memenuhi hasrat tersebut, pihak Kerajaan telah menyalurkan peruntukan bagi pelaksanaan Projek Estet Padi NKEA EPP10- Pengukuhan Tanaman Padi Di Kawasan Muda.

Projek Estet Padi NKEA EPP10 yang telah dilaksanakan bermula tahun 2011 telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan konsisten apabila kaedah tanaman padi individu sediaada diuruskan secara berpusat setelah peladang menyertai projek ini.

Selain pengurusan projek secara berpusat, melalui Projek Estet Padi NKEA EPP10, infrastruktur pengairan dan saliran tanaman padi di peringkat tersier sedang diperluaskan melibatkan pembinaan sistem tersier di 128 blok pengairan secara berfasa. Melalui tambahan infrastruktur pengairan dan saliran ini dijangkakan kepadatan infrastruktur pengairan dan saliran di Kawasan Muda akan dapat ditingkatkan daripada 18 meter/hektar kepada 30 meter/hektar.

Sejak Rancangan Malaysia Keempat (RMKe4) hingga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), pihak MADA telah menerima Peruntukan Pembangunan sebanyak RM486 juta bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan dalam sektor padi dan sektor industri asas tani dan bukan padi.

Selain peruntukan Rancangan Malaysia, bermula tahun 2011 pihak MADA telah menerima peruntukan khas bagi pelaksanaan Projek NKEA EPP10.

Sehingga tahun 2016, sejumlah RM 901 juta telah disalurkan oleh pihak kerajaan untuk pelaksanaan projek tersebut yang melibatkan komponen bayaran pengambilan balik tanah, pembinaan sistem pengairan tersier, pembinaan dan penambahbaikan infrastruktur pengairan dan saliran peringkat ladang, bayaran insentif penyertaan projek dan penyelidikan dan pembangunan(R&D) berkaitan tanaman padi.